

## KENYATAAN MEDIA

### SEDANIA Mempercepatkan Penggunaan Perbankan Digital

*Unit fintech SEDANIA kini menawarkan teknologi penyelesaian digital kepada dua penerima lesen perbankan digital Malaysia*

---

KUALA LUMPUR (May 12): SEDANIA Innovator Bhd ("SEDANIA" atau "Kumpulan") sedia untuk mempercepatkan penggunaan perbankan digital dengan menawarkan penyelesaian sepenuh perbankan digital kepada penerima lesen perbankan digital Malaysia yang diumumkan baru-baru ini, menerusi unit fintech SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd ("SEDANIA As Salam") dan rakan usaha sama teknologinya.

Pada April 29, Bank Negara Malaysia ("BNM") mengumumkan lima pemohon lesen perbankan digital yang berjaya, selepas mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan ("MoF").

Antara syarikat yang terpilih di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) ialah konsortium membabitkan AEON Credit Service (M) Berhad, yang pada masa ini menggunakan Penyelesaian Dagangan Tawarruq Bersepadu SEDANIA As Salam untuk Institusi Kewangan Islam.

Selain itu, satu lagi klien SEDANIA yang merupakan sebahagian daripada sebuah konsortium turut meraih satu daripada tiga (3) lesen konvensional di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA"). Menerusi usaha sama dengan SEDANIA As Salam, klien tersebut menawarkan produk pembiayaan patuh Syariah kepada pengguna platformnya.

"Kami gembira apabila klien sedia ada kami memperoleh lesen perbankan digital yang dinanti-nantikan, sama ada konvensional mahupun Islamik. Kami bersedia menyokong klien kami dengan melancarkan penyelesaian yang sedia digunakan dalam tempoh masa singkat," kata Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA As Salam Khairul Nisa Ismail.

"Selain itu, kami berhasrat untuk meneroka peluang menjalinkan usaha sama dengan tiga lagi pemegang lesen perbankan digital. SEDANIA As Salam memiliki keupayaan teknologi dan pengalaman untuk melengkapkan usaha membangun dan mengukuhkan infrastruktur perbankan digital mereka.

"Sehingga kini, kami telah membantu lebih 80 klien menerusi Platform Komoditi Digital berasaskan API yang dipatenkan oleh kami, membolehkan keupayaan pemprosesan secara terus bagi Produk Runcit Pengguna Islam.

Tambah Nisa, *Akad* Digital SEDANIA As Salam yang unik membezakan SASC daripada pesaingnya di pasaran serantau kerana ia membantu sektor Perbankan Islam untuk berhubung dengan pelanggan bagi proses *Akad* yang lancar dan seterusnya membolehkan proses pengeluaran pembiayaan yang lebih pantas.

"Ekosistem terbaru kami yang tersusun dan tangkas ini menepati keperluan Institusi Perkhidmatan Kewangan yang sedang bergerak pantas ke arah perbankan digital. Dalam tempoh 12 bulan lalu, SEDANIA As Salam terus bekerja rapat dengan rakan kongsi utama kami yang bersaing mendapatkan lesen perbankan digital dengan menyatupadukan platform teknologi kami bersama penyelesaian perbankan mereka," jelas Nisa.

Antara rakan kongsi teknologi yang telah bekerjasama dengan SEDANIA As Salam termasuk CREALOGIX dan MAMBU, yang mana kedua-duanya sudah beroperasi menggunakan penyelesaian digital dalam persekitaran perbankan digital yang baharu ini.

CREALOGIX, syarikat fintech 100 Switzerland, adalah peneraju global dalam teknologi perbankan digital dengan pengalaman 25 tahun dalam penawaran penyelesaian digital kepada institusi kewangan terkemuka dunia.

Sementara itu, MAMBU ialah sebuah syarikat perisian Jerman yang mempunyai ibu pejabat di Berlin. Ia menyediakan infrastruktur untuk bank dan penyedia perkhidmatan kewangan mengikut perisian sebagai model perkhidmatan.

SEDANIA As Salam berbesar hati dapat memainkan peranan dalam menyumbang meluaskan lagi rangkuman kewangan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan bagi menangani jurang pasaran dalam segmen yang kurang mendapat perhatian. Ini termasuk memasarkan penyelesaian kewangan yang sesuai dan mampu milik dengan penggunaan teknologi yang inovatif.

Tambahan pula, SEDANIA As Salam mempunyai keupayaan untuk menawarkan perkhidmatan kepada pelbagai pihak dalam penyelesaian perbankan digital termasuk bank, konglomerat industri, firma teknologi, pengendali e-dagang, syarikat FinTech, koperasi dan kerajaan negeri.

– Tamat –

**Mengenai SEDANIA As Salam Capital :**

*SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh SEDANIA Innovator Berhad, merupakan penyedia teknologi yang menawarkan penyelesaian fintech islamik kepada institusi kewangan.*

*Pada terasnya ialah As-Sidq, sebuah platform dagangan komoditi digital patuh Shariah yang dipaten bagi memudahkan pembrokeran komoditi semasa dan selamat mengikut keperluan institusi kewangan tawarruq (komoditi murabahah).*

*Melengkapkan penyelesaian ekosistem fintech Islamik kami ialah rangkaian usaha sama komposit perbankan dan keupayaan kewangan yang membolehkan dan mempercepatkan kesediaan digital institusi kewangan.*

**Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:**

*Doreenn Leong  
Sedania As Salam Capital Sdn Bhd  
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620  
Emel: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)*